

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash





Istana Kenangan

Muzium Diraja Kuala Kangsar

Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Suzila Mat Salleh, Noor Hafiza Mohammed, Hani Sakina Mohd Yusof, Noor Malinjasari Ali
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Istana Kenangan, atau sebelumnya lebih dikenali sebagai Istana Lembah atau Istana Tepas, mula dibina pada tahun 1926 sebagai kediaman sementara Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar Shah sementara menunggu siap pembinaan istana baharu, iaitu Istana Iskandariah. Baginda tinggal di istana ini dari tahun 1931 hingga 1935. Setelah Istana Iskandariah siap dibina, baginda telah berpindah ke istana baharu dan Istana Kenangan ini kemudiannya dijadikan sebagai istana tetamu semasa hari keramaian dan majlis Diraja.

Di kalangan masyarakat setempat, ianya

juga turut dikenali sebagai Istana Kuning kerana warnanya didominasi oleh warna kuning, diikuti oleh hitam dan putih bersempena dengan warna bendera negeri Perak. Pada hari ini, istana ini menjadi destinasi wajib kunjung sekiranya ke Kuala Kangsar. Jabatan Warisan Negara (JWN) juga telahewartakan istana ini sebagai salah satu destinasi utama dan ikon kepada destinasi pelancongan Kuala Kangsar.

Menyusuri sejarah pembinaannya, istana ini telah dirancang pembinaannya di Bukit Chandan selepas banjir besar melanda Perak pada tahun 1926. Ianya

telah didirikan oleh seorang tukang melayu, bernama Haji Suffian dengan bantuan dua orang anaknya, Zainal Abidin dan Ismail. Istana ini menjadi simbol keunikan senibina Melayu kerana keunikan seni reka bentuknya seperti sebilah pedang di dalam sarung jika dilihat dari atas bangunan. Binaannya disokong oleh 60 batang tiang, berukuran 41 meter panjang dan 11 meter lebar dan didirikan tanpa menggunakan paku atau logam. Manakala dari segi susun atur



dalamannya pula, bahagian berbentuk hulu pedang merupakan kamar peraduan sultan manakala bahagian berbentuk pedang adalah Balai Rong Seri istana. Dinding istana ini pula dibuat dari kayu tepas dan anyaman bertam berbentuk kelarai, sementara binaan struktur bumbung pula merupakan kombinasi perabung lima dan perabung pisang sesikat. Bumbung asal istana ini juga disiapkan dengan menggunakan kayu papan keras jenis berlian.

Sungguhpun dikenali ramai dengan nama Istana Kenangan, namun sebenarnya nama tersebut hanya mula diguna pakai mulai tahun 1960-an, iaitu selepas istana tersebut diperbaiki semula hasil usaha Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana

Menteri Malaysia yang pertama. Selepas pengisytiharan nama Istana Kenangan, keluarga Diraja Perak masih menggunakan istana ini sehingga tahun 1982.

Setelah ia tidak digunakan lagi sebagai kediaman kerabat istana, Almarhum Sultan Idris II telah berkenan menyerahkan Istana Kenangan untuk diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Muzium dan Antikuiti. Pada 16 November 1986, Istana Kenangan telah dijadikan Muzium Diraja Kuala Kangsar dan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada ketika itu telah berkenan merasmikan muzium ini. Pada 9 Mac 2009, Muzium Diraja Kuala Kangsar ini telah diwartakan sebagai Tapak Warisan Sejarah. Oleh itu, sekiranya anda ke Kuala Kangsar, jangan lupa mengunjungi istana nan indah ini.

Rujukan

Malaysia je Travel. (Apr 8, 2015). Moh kita ke Perak, Episode Kuala Kangsar [Video]. YouTube. https://www.youtube.com/watch?v=iJHYnGk_saY

Perak State Muzium Board (n.d). Muzium Diraja Kuala Kangsar. <http://muzium.perak.gov.my/index.php/en/museums/royal-museum-kuala-kangsar/>

Zurina Ahmad Saidi,Z, Ahmad, H. and Jusoh, H. (2020), Pelancongan Bandar Diraja: Satu pola kunjungan pelancong domestik di Kuala Kangsar. Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH), vol. 5, Issue 1, Jan 2020, pp. 15 – 31. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.348>.



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash